



**MALAYSIA
MADANI**

Buletin

JABATAN LAUT MALAYSIA

Edisi November 2023

*Kempen Keselamatan Bot & Feri Penumpang
5 Minit Kembali Cergas
Beg Kecemasan (Bug Out Bag - BOB)*



Jabatan Laut Malaysia



@lautmy



jabatanlaut

2 November 2023 - En Mohd Hafiz bin Abdul Majid, Pengarah Bahagian Pengurusan Trafik dan Bantuan Pelayaran (BPTBP) menerima penerangan dari pegawai TM Technology Services Sdn Bhd (dahulu dikenali sebagai Telekom Malaysia-TM) mengenai sistem komunikasi *Global Maritime Distress Safety System-Digital Selective Calling* (GMDSS - DSC) dan *GMDSS-Narrow-Band Direct Printing Telegraph* (GMDSS - NAVTEX) di stesen TM Pujut serta stesen TM Tanjung Lobang, Miri, Sarawak dan di stesen TM Tanjung Aru, Kota Kinabalu. Selaras dengan punca kuasa APMM dalam melaksana tugas mencari dan menyelamatkan maritim, JLM-APMM telah mencapai kata sepakat bahawa perkhidmatan GMDSS-DSC akan diserahkan kepada APMM berkuat kuasa Jun 2025 setelah kontrak perkhidmatan JLM-TM tamat manakala perkhidmatan GMDSS NAVTEX kekal bersama JLM.

JABATAN LAUT MALAYSIA SERAH PERKHIDMATAN GMDSS - DSC KEPADA AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA



2 November 2023 - Norfauzah binti Ahmadan, Ketua Unit Integriti Jabatan Laut Malaysia (JLM) dengan kerjasama Dar Biskai bin Adam Malik, Pengarah Laut Wilayah Sabah dan Bahagian Pengurusan Trafik dan Bantuan Pelayaran (BPTBP) membawa kelainan dalam Sambutan Bulan Integriti Nasional (BIN) 2023 apabila membawa pasukan pegawai kanan JLM termasuk Ketua Unit, Pengarah Wilayah dan Pengarah Bahagian menyertai taklimat memperihalkan kerangka ikhtiar mengembalikan martabat Negara dengan tema Integriti Citra Malaysia Madani di tandarah suar Pulau Gaya, Kota Kinabalu, Sabah. Sambutan BIN merupakan manifestasi menzahirkan usaha Kerajaan membudayakan integriti dan tata kelola di semua sektor awam termasuk korporat.

INTEGRITI CITRA MALAYSIA MADANI TEMA BULAN INTEGRITI NATIONAL 2023



MAJLIS MAKAN MALAM SEMPENA ITCP- REGIONAL OIL SPILL CONTINGENCY PLAN 2023

2 November 2023 - Jabatan Laut Malaysia melalui Institut Latihan Pengangkutan Laut (MATRAIN) telah mengadakan Majlis Makan Malam sempena *ITCP-Regional Oil Spill Contingency Plan*. Majlis Makan Malam ini diserikan lagi dengan kehadiran Ketua Pengarah Laut, Kapten Mohamad Halim bin Ahmed, Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan) Encik Nordin bin Mohamad, Pengarah BPTBP, Tuan Haji Mohd Hafiz bin Abdul Majid, Pengarah MATRAIN, Pn Rahayu binti Rajali dan turut disertai oleh wakil Kementerian Pengangkutan Malaysia, Jabatan Alam Sekitar, dan PETRONAS. Turut hadir wakil IMO, Josephine Uranza.



Peserta telah selesai menjalani bengkel selama empat(4) hari di bilik seminar hotel dan juga sesi latihan tumpahan minyak yang telah diadakan di premis *Petroleum Industry of Malaysia Mutual Aids Group* (PIMMAG). Sesi latihan ini telah memberikan pandangan dan pengetahuan mengenai cara melawan tumpahan minyak di lautan.

KEMPEN KESEDARAN KESELAMATAN BOT DAN FERI PENUMPANG, PEMANTAUAN ALAT BANTUAN PELAYARAN SERTA OPERASI BERSEPADU DI LANGKAWI

3 November 2023 - YBrs. Kapten Abdul Samad bin Shaik Osman, Timbalan Ketua Pengarah Laut (Operasi), Jabatan Laut Malaysia telah merasmikan Kempen Kesedaran Keselamatan Bot, Feri Penumpang dan Pemantauan Alat Bantuan Pelayaran di Langkawi, Kedah yang berlangsung pada 3 November 2023 di Terminal Feri Jeti Kuah Langkawi.

Kempen Keselamatan Bot dan Feri Penumpang merupakan program berkala yang dianjurkan oleh Jabatan Laut Malaysia (JLM) di seluruh negara. Kempen keselamatan ini melibatkan agensi, pegawai dan aset kerajaan sebagai satu usaha memperkukuh dan mempertingkatkan pengetahuan, memberi pendedahan dan kesedaran kepada pengunjung serta masyarakat setempat tentang kepentingan keselamatan ketika menggunakan mod pengangkutan laut seperti feri dan bot penumpang.

Turut diadakan sesi libat urus diantara Jabatan Laut Malaysia bersama pengusaha-pengusaha bot berlesen dan operator feri penumpang bagi mengeratkan kerjasama antara JLM dan pihak-pihak berkepentingan. Sesi tersebut telah dihadiri oleh hampir 20 orang pengusaha bot berlesen dan pengusaha feri.

Seterusnya diadakan pemantauan malam alat bantuan pelayaran bersama wakil-wakil daripada agensi kerajaan dan juga pengamal media bagi melihat pengoperasian yang diadakan oleh JLM bagi memastikan alur pelayaran sentiasa berada di dalam keadaan selamat.

JLM menghargai komitmen yang ditunjukkan dan segala usaha yang dijalankan bagi memastikan keselamatan setiap penumpang terjamin. JLM juga menekankan bahawa Dasar Keselamatan Pengangkutan Laut adalah menjadi tanggungjawab kita bersama. Pihak kerajaan sentiasa menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan dan akan mengambil tindakan undang-undang secara tegas keatas mereka yang tidak mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

4 November 2023 - Selaras dengan Kempen Keselamatan Bot dan Feri Penumpang yang dijalankan di Langkawi, satu Operasi Bersepadu telah dilaksanakan oleh Jabatan Laut Malaysia Wilayah Utara di perairan Langkawi. Kempen yang diadakan selama dua (2) hari ini telah mendapat kerjasama daripada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Pasukan Polis Marin. Aset Jabatan Laut Malaysia Wilayah Utara yang di atur gerak untuk operasi ini adalah MV Sadr.

Operasi Bersepadu ini dijalankan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran di kalangan pelancong pentingnya menaiki bot berlesen yang sah dan jurumudi yang kompeten untuk keselamatan pengangkutan laut ke pulau-pulau peranginan di perairan Langkawi. Selain itu bagi memastikan pematuhan bot-bot berlesen membawa penumpang ke atas Ordinan Perkapalan Saudagar (OPS 1952). Dalam Operasi Bersepadu ini, kira kira 20 notis amaran telah dikeluarkan atas pelbagai kesalahan. Bot-bot ini beroperasi di sekitar perairan Langkawi seperti di Kilim.

YBrs. Kapten Abdul Samad bin Shaik Osman, Timbalan Ketua Pengarah Laut (Operasi) turut menyertai dalam pemeriksaan bot-bot di sekitar jeti di Langkawi pada hari ini. Jabatan Laut Malaysia Wilayah Utara merakamkan penghargaan dan ribuan terima kasih atas kerjasama yang padu dan komitmen yang tinggi daripada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Pasukan Polis Marin dalam kolaborasi bersama menyertai Operasi Bersepadu ini.





FOTO : KEMPEN KESEDARAN KESELAMATAN BOT DAN FERI PENUMPANG, PEMANTAUAN ALAT BANTUAN PELAYARAN SERTA OPERASI BERSEPADU DI LANGKAWI



VALE PERKASA PELABURAN IMPAK TINGGI DI MALAYSIA - BUKA PEJABAT BARU APAC DI KUALA LUMPUR

4 November 2023 - Pasukan *Port State Control Officers* (PSCOs) JLM laksana pemeriksaan keselamatan ke atas kapal *Very Large Ore Carriers* (VLOC's) berpendaftaran luar-CSH WORLD di fasiliti pelabuhan Vale Malaysia Minerals Sdn. Bhd. -Teluk Rubiah Maritime Terminal (TRMT) dalam Had Pelabuhan Lumut, Perak.



Pada 2 November 2023, Vale lancarkan pejabat baru rantau Asia Pasifik (lazimnya dipanggil APAC) di Kuala Lumpur supaya fungsi korporat Vale berada hampir dengan lokasi operasi di TRMT, Manjung, Perak yang direka bentuk bagi mengendalikan 25 juta tan produk inovatif *decarbonize iron ore* setahun, sekaligus memberdaya ekosistem pelaburan bermakna yang memangkinkan pertumbuhan ekonomi dan peluang pekerjaan.

6 November 2023 - En. Burhanudin bin Abdullah, Timbalan Pengarah Bahagian Pengurusan Trafik dan Bantuan Pelayaran (BPTBP) bersama En. Khairin Azmi bin Za'aba mengadakan perbincangan awal bersama Francis Zacharie, Setiausaha Agong *International Association of Marine Aids to Navigation and Lighthouse Authorities* (IALA) dan Minsu Jeon, pengurus operasi teknikal IALA sebelum memulakan mesyuarat Jawatankuasa Pakar *Aids to Navigation Requirements and Management* (ARM) ke-17 yang berakhir awal bulan November 2023. ARM ini merupakan salah satu dari 4 Jawatankuasa paling penting IALA dan diatur mengikut 5 standard IALA iaitu :

1. Standard 1010-Keperluan Perancangan dan Senggaraan Alat Bantuan Pelayaran - ABP
2. Standard 1020-Rekabentuk dan Penyampaian ABP
3. Standard 1050-Latihan dan Persijilan
4. Standard 1060-Teknologi Komunikasi Digital; dan
5. Standard 1070-Perkhidmatan Informasi

PEMBANGUNAN TEKNOLOGI VESEL AUTONOMOUS - ALAT BANTUAN PELAYARAN FIZIKAL MASIH PENTING KEPADA PELAUT



MALAYSIA KOMITED TINGKATKAN HUBUNGAN DUA HALA SEMUA BIDANG SECARA MENYELURUH DENGAN JEPUN



7 November 2023 - Mohd Hafiz bin Abdul Majid, Pengarah Bahagian Pengurusan Trafik dan Bantuan Pelayaran (BPTBP) bertemu Rear Admiral Awai Tsuguo, Pengarah Kanan *Maritime Security Strategy Group*, IALA Councilor for Japan semasa menghadiri *World-Wide Academy Pre - Conference Seminar* di Tokyo, Japan. Rear Admiral Awai akan berada di MATRAIN Pelabuhan Kelang bagi membantu latihan operator Perkhidmatan Trafik Vesel dengan kerjasama *Japan Aids to Navigation Association* (JANA), sekaligus menegaskan komitmen Malaysia-Jepun memperkukuh serta meneroka laluan baru kerjasama dalam industri maritim.

JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM) FOKUS PERTINGKAT MUTU PERKHIDMATAN KEPADA PIHAK BERKEPENTINGAN



8 November 2023 – Ramli bin Shariff, Ketua Bahagian Kawalan Industri Maritim JLM Wilayah Utara mengetuai pasukan beliau laksana pemeriksaan fizikal ke atas bot – bot yang memohon lesen untuk beroperasi di dalam Had Pelabuhan Lumut, Perak. JLM kekal tekad dan cekal dalam melaksana tugas dengan usaha terbaik serta tangkas bagi memenuhi keperluan pihak berkepentingan meraih lonjakan pertumbuhan ekonomi yang bermakna, disamping sentiasa menerapkan nilai – nilai murni dan keterbukaan minda.



IALA CONFERENCE FOR THE IGO – CADANGAN PENAMBAHBAIKAN MALAYSIA DITERIMA

10 November 2023 – Mohd Hafiz bin Abdul Majid, Pengarah Bahagian Pengurusan Trafik dan Bantuan Pelayaran (BPTBP) menerima ucapan tahniah daripada Francis Zacharie, Setiausaha Agong *International Association of Marine Aids to Navigation and Lighthouse Authorities* (IALA) sebaik sahaja 3 cadangan Malaysia bagi penambahbaikan Draf Peraturan Am dan Kewangan IALA sebagai *International Intergovernmental Organization* (IGO) diterima oleh kesemua 42 Negara Ahli yang hadir ke Conference di Tokyo, Jepun. Masakini perubahan status IALA dari *Non-governmental Organization* (NGO) kepada IGO telah menerima 24 dari 30 ratifikasi/penerimaan/ penyertaan Negara Ahli yang diperlukan dan Draf Peraturan Am serta Kewangan IGO ini perlu muktamadkan dalam tempoh transisi 90 hari selepas ratifikasi/ penerimaan/penyertaan terakhir yang ke – 30 itu diterima dari Negara Ahli.



PERLIS DIKTIRAF GEOPARK KEBANGSAAN KE – 10



11 November 2023 – Pasukan petugas Ketua Pejabat Laut Negeri Perlis mengawal selia penumpang yang menggunakan Terminal Feri Kuala Perlis bagi menaiki feri ke Langkawi Bandaraya Pelancongan sempena perayaan Cuti Deepavali. Perlis berjaya mendapat pengiktirafan sebagai Geopark Kebangsaan yang ke – 10 dengan nama Perlis Geopark selepas berjaya memenuhi skop untuk diperakukan Jawatankuasa Geopark Kebangsaan dan penarafan Perlis Geopark ini menjadi satu batu loncatan kepada usaha meningkatkan industri pelancongan Negeri berkenaan.

DASAR TVET NEGARA SEDANG DIRANGKA, AKAN DILANCAR PADA FEBRUARI 2024


13 November 2023 - Mohd Azhan bin Mohd Ali, pegawai kanan Bahagian Operasi Maritim JLM Wilayah Utara laksana ujian lisan ke atas pelaut yang baru selesai mengikuti kursus *Master of less than 500GT Domestic Trade Voyages* di Pulau Pinang. Belanjawan Malaysia Madani 2024 menyediakan dana peruntukan keseluruhan berjumlah RM 20 juta untuk skim pinjaman pendidikan latihan maritim yang dikongsi bersama program kesenian serta aeroangkasa dan Dasar Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Negara yang pertama.



THE 4TH EDITION OF MALAYSIA INTERNATIONAL MARINE EXPO (MIMEX 2023)

14 November 2023 - The 4th Edition of Malaysia International Marine Expo (MIMEX) 2023 telah dirasmikan oleh Yang Berusaha Kapten Mohamad Halim bin Ahmed, Ketua Pengarah Laut, Jabatan Laut Malaysia. Penganjuran MIMEX 2023 merupakan langkah penting ke arah membina semula industri maritim pasca pandemik. Melalui program seperti MIMEX, seluruh pemain industri maritim dapat berkumpul dan membincangkan hala tuju sektor maritim dan sektor luar pesisir kerana Malaysia mempunyai industri perkapalan yang teguh, yang mempunyai industri perkapalan yang berkembang maju dengan sektor perkapalan yang luas, termasuk kapal kontena, kapal tangki minyak, dan kapal LNG.

MIMEX 2023 merupakan sumber inspirasi, pencerahan dan kerjasama diantara pemain industri maritim. MIMEX 2023 merupakan peluang untuk mengukuhkan hubungan, mendedahkan kemajuan dan mengemudi industri maritim ke arah masa depan yang lebih cerah dan mampan. Semoga hubungan antara Jabatan Laut Malaysia dan pemain industri maritim akan terus kukuh untuk melonjakkan industri maritim ke arah yang lebih baik



AMARAN HUJAN BERTERUSAN TAHAP WASPADA DI EMPAT NEGERI



15 November 2023 - Nur Bahirah binti Muhd Razali, Ketua Bahagian Pengurusan Trafik dan Bantuan Pelayaran (BPTBP) Wilayah Timur bersama pasukan teknikal beliau memeriksa tandarah suar Pengkalan Datu, Pengkalan Chepa, Kelantan bagi mengesahkan ketersediaannya kepada pengguna alur pelayaran sungai tersebut. Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) dalam satu kenyataan bertarikh 13 November 2023 (Isnin) memaklumkan bahawa hujan berterusan tahap waspada dijangka berlaku di empat negeri iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang dan Sabah pada 17 hingga 19 November 2023.

THAILAND JUAL PROJEK LANDBRIDGE BERNILAI USD 28 BILLION, PINTAS LALUAN KAPAL SELAT MELAKA



15 November 2023 - Nor Bahirah binti Muhd Razali, Ketua Bahagian Pengurusan Trafik dan Bantuan Pelayaran (BPTBP) bersama pasukan teknikal beliau meninjau cadangan pemuliharaan dan naiktaraf tandarah suar Transit Point B di sempadan Malaysia - Thailand di muara Sungai Golok, Tumpat, Kelantan. Srettha Thavisin, Perdana Menteri Thailand memaklumkan pelabur di San Francisco, California pada 13 November 2023 bahawa projek Landbridge bernilai USD 28 Billion ini melibatkan pembinaan 2 pelabuhan laut di selatan Thailand yang dihubungkan dengan jaringan lebuh raya dan landasan keretapi sejauh 100 km, sekaligus menukar cadangan Thailand sebelum ini untuk membina terusan di Segenting Kra.

KECEKAPAN PEGAWAI JLM PERLU DIPERTINGKAT BAGI PERCEPAT PELAKSANAAN PROJEK



15 November 2023 - Mohd Hamdan bin Ahmad Fuad, pegawai kanan Ketua Pejabat Laut Langkawi Bandaraya Pelancongan memberi taklimat keselamatan kepada pensyarah dan peserta kursus Pegawai Penguasa Dalam Pengurusan Kontrak Kerja yang berpeluang melawat vesel JLM - MV SUHAIL yang berpangkalan di pulau peranginan terkemuka di Utara Semenanjung Malaysia tersebut. Pada 9 November 2023, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata pegawai kerajaan seperti JLM perlu diberi pendedahan dan latihan tambahan mengenai perancangan yang melibatkan pelaksanaan projek di satu - satu kawasan berkaitan bagi meningkatkan 'ease of doing bussiness' iaitu kepantasan atau kecepatan meluluskan selepas mengambil kira semua peraturan diteliti dan dicerakin sebelum keputusan dibuat.

JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM) PERKASA INSTITUT LATIHAN MARITIM (ILM)



16 November 2023 - Mohd Nasoha bin Sulaiman, pegawai kanan Ketua Pejabat Laut Negeri Pulau Pinang bersama pasukan Bahagian Pengurusan Trafik dan Bantuan Pelayaran (BPTBP) memberi penerangan mengenai fungsi alatan di stokpil alat melawan tumpahan minyak dan bahan berbahaya di fasiliti JLM di Batu Uban, Pulau Pinang kepada pelajar Diploma in Marine Technology (*Officers in Charge of an Engineering Watch of 750 kW or More Near Coastal Voyages*) Institut Kemahiran Mara (IKM), Baseri, Perlis. IKM Baseri merupakan salah satu Institut Latihan Maritim (ILM) yang diiktiraf JLM bagi menjalankan kursus berkaitan STCW dan Belanjawan Malaysia Madani 2024 telah menyediakan dana peruntukan keseluruhan berjumlah RM 20 juta untuk skim pinjaman pendidikan latihan maritim.

ULANGTAHUN KE-30 TOKYO MOU - MESYUARAT PORT STATE CONTROL COMMITTEE (PSCC34) DAN TECHNICAL WORKING GROUP (TWG17)

Memorandum of Understanding on Port State Control in the Asia-Pacific Region (Tokyo MOU) merupakan salah satu rejim *Port State Control* (PSC) serantau yang paling aktif di dunia. Organisasi ini terdiri daripada 22 ahli Pihak Berkuasa di rantau Asia-Pasifik. Objektif utama TOKYO MOU adalah untuk mewujudkan keharmonian rejim Port State Control yang berkesan di rantau Asia-Pasifik melalui kerjasama ahli-ahlinya dan penyelarasan aktiviti, dengan mengurangkan/menghapuskan perkapalan sub-standard serta menggalakkan keselamatan maritim, untuk melindungi persekitaran marin dan untuk menjaga keadaan kerja dan kehidupan di atas kapal.

Jabatan Laut Malaysia diwakili oleh En. Mohd Zamzuri Bin Othman dan En. Meor Fariz Johor Bin Fu-ad Johor pegawai dari Bahagian Operasi Maritim telah menghadiri mesyuarat tersebut yang telah diadakan pada 25 Oktober 2023 hingga 03 November 2023 di Yokohama, Jepun.

Mesyuarat tahunan ini perlu dihadiri oleh negara anggota yang berada di bawah rejim Tokyo MoU untuk membincangkan isu-isu teknikal untuk dikuatkuasakan terhadap kapal-kapal asing yang memasuki perairan negara masing-masing serta mempertimbangkan dan menerima pakai pindaan kepada pelan strategik, hala tuju strategik dan pelan tindakan untuk memperkasakan Tokyo MOU dalam menghadapi cabaran baharu dan situasi secara proaktif dan berkesan.



Pada mesyuarat tahun ini juga TMOU telah menyambut ulangtahun ke-30 penubuhannya dengan pencapaian dan kejayaan serta kerjasama di antara ahli-ahli di bawahnya.

En. Mohd Zamzuri bin Othman telah dilantik sebagai Naib Pengerusi bagi *Technical Working Group* (TWG) ke-18 menggantikan Naib Pengerusi TWG17 wakil dari negara Vietnam.

KOMPONEN *IMO COOPERATIVE MECHANISM* - MESYUARAT KE-29 JAWATANKUASA *AIDS TO NAVIGATION FUND* (ANF) LULUS PELAN PENYENGGARAAN ATON KRITIKAL 2024-2028



18 November 2023 - Mohd Hafiz bin Abdul Majid mengetuai delegasi Malaysia yang terdiri daripada pasukan pegawai kanan Bahagian Pengurusan Trafik dan Bantuan Pelayaran (BPTBP) menerima ucapan tahniah daripada Pak Lollan Panjaitan, Setiausaha Direktorat General Perhubungan Laut, Republik Indonesia selepas berjaya memuktamadkan Pelan Penyenggaraan 5 Tahun 51 Alat Bantuan Pelayaran Kritikal Selat Melaka dan Selat Singapura 2024 - 2028 di Mesyuarat Ke-29 Jawatankuasa ANF di Surabaya, Indonesia. Delegasi Malaysia menggunakan kesempatan yang ada untuk perkukuhkan lagi hubungan baik bersama 3 Negara Persisir, pemain industri, penyumbang dana serta pihak berkepentingan demi meningkatkan semangat kerjasama keselamatan navigasi dan perlindungan alam sekitar di Selat paling strategik dan sibuk di dunia ini.

SOLIDARITI BANGSA JOHOR UNTUK PALESTIN

19 November 2023 - JLM Wilayah Selatan tidak terkecuali dalam turut serta dalam majlis berkenaan yang telah berlangsung seawal 5 petang bertempat Di Masjid Sultan Iskandar, Bandar Dato Onn, Johor Bahru. Seramai sembilan (9) orang peserta selaku wakil Jabatan telah turut serta sebagai menunjukkan semangat solidariti Bangsa Johor terhadap perjuangan dan kesengsaraan yang diharungi oleh rakyat Palestin.



21 November 2023 - Bengkel Sistem Janji Temu Jabatan Laut Malaysia ini telah disertai oleh wakil daripada Jabatan Laut Malaysia Wilayah Selatan bertujuan untuk memberi pendedahan dan latihan kepada *Person in Charge* (PIC) bagi melancarkan proses permohonan janji temu dalam talian.

Seramai 20 orang pegawai dan kakitangan Wilayah yang terdiri daripada wakil pejabat-pejabat Laut dan wakil-wakil bahagian turut serta dalam bengkel yang telah diadakan. Bengkel ini telah disampaikan oleh En. Norazizul bin Bakar, Penolong Pegawai Teknologi Maklumat, Unit Teknologi Maklumat dan Kerajaan Elektronik (UTMKE) dan dibantu oleh En. Mohamad Najdi Naim, Penolong Pengarah, Unit Korporat.

BENGKEL SISTEM JANJI TEMU JABATAN LAUT MALAYSIA



KUNJUNG HORMAT PETRONAS CARIGALI SDN. BHD. (PCSB) KE JABATAN LAUT MALAYSIA WILAYAH TIMUR

21 November 2023 - Libat urus Petronas Carigali Sdn. Bhd. (PCSB) Semenanjung Malaysia (Aset) bersama Jabatan Laut Malaysia Wilayah Timur (JLMWT) berlangsung di Duyung Marina Resort pada 21 November 2023. JLMWT diketuai oleh En Mohd Azhan Bin Abdulah, Timbalan Pengarah Laut manakala PCSB diketuai oleh En M. Faisal Bin M. Rosli, Pengurus Lapangan.

PCSB melaporkan perkembangan semasa berkenaan FPSO Bunga Kertas, FSO Puteri Dulang dan FSO Sepat serta perancangan terhadap fasiliti tersebut sebagai persediaan awal bagi pertimbangan sebarang pematuhan Jabatan kelak. Ini menunjukkan langkah positif dalam memupuk kerjasama dan komunikasi terbuka antara industri dan pihak berkuasa yang berkaitan, terutamanya dalam sektor maritim dan perkapalan.



DEEPAVALI LAMP LIGHTING CEREMONY PERINGKAT IBU PEJABAT LAUT, JABATAN LAUT MALAYSIA

23 November 2023 - Bersempena dengan Perayaan Deepavali Tahun 2023, Ibu Pejabat Laut, Jabatan Laut Malaysia (JLM) telah mengadakan *Deepavali Lamp Lighting Ceremony* bertempat di Lobi Ibu Pejabat Laut.

Upacara menyalakan lampu 'Kuthu Vilakku' telah disempurnakan oleh YBrs. Kapten Mohamad Halim bin Ahmed, Ketua Pengarah Laut, Jabatan Laut Malaysia. Turut hadir ke majlis ini ialah Pengarah Bahagian dan Pengarah Wilayah, Ketua-Ketua Unit, pegawai-pegawai dan kakitangan JLM daripada pelbagai kaum.

Semoga perayaan Pesta Cahaya tahun ini membawa sinar kegembiraan dan kebahagiaan buat semua yang menyambutnya.





PROGRAM KEMBARA ROHANI : BACAAN YASIN DAN TAZKIRAH - INTEGRITI Mencari Sesuatu Yang Tidak Pasti

24 November 2023 - Bahagian Khidmat Pengurusan dengan kerjasama Unit Integriti dan Kelab Sukan dan Kebajikan Ibu Pejabat Laut (KSKIPL) telah menganjurkan Majlis Bacaan Yasin dan Tazkirah bertajuk Integriti Mencari Sesuatu Yang Tidak Pasti. Bacaan Yasin telah dipimpin oleh Ustaz Mohd Zul Hisham bin Mohd Hassan, Pegawai di Bahagian Undang-Undang Keluarga, Jabatan Agama Islam Selangor.



Hadir pada majlis ini ialah YBr. Kapten Mohamad Halim bin Ahmed, Ketua Pengarah Laut, YBr. Kapten Abdul Samad bin Shaik Osman, Timbalan Ketua Pengarah Laut (Operasi), Encik Nordin bin Mohamad, Timbalan Ketua Pengarah Laut (Perancangan) TK, Pengarah-Pengarah Bahagian dan Wilayah, Ketua-Ketua Unit dan kakitangan Ibu Pejabat Laut.

Ustaz Mohd Zul Hisham dalam ceramahnya menekankan amalan '*Tabayyun*' iaitu menyemak atau periksa sesuatu perkara sebelum disebarkan kepada individu lain. Amalan ini relevan untuk memastikan penyebaran maklumat dilakukan dengan penuh berhemah dan berintegriti.



JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM) DALAMI POTENSI DAN MASA DEPAN KECERDASAN BUATAN (AI) DALAM PENGURUSAN TRAFIK VESEL



27 November 2023 - Nurul Suhana bin Sulaiman dan Mohd Nazri bin Armar, masing - masing pegawai kanan Bahagian Pengurusan Trafik dan Bantuan Pelayaran (BPTBP) dan Bahagian Operasi Maritim tekun mendalami kemampuan sistem Kecerdasan Buatan (AI) melaksana tugas yang lazimnya memerlukan kecerdasan petugas Sistem Pengurusan Trafik Vesel (VTS) di Shanghai Maritime University, China. Ia melibatkan penggunaan algoritma dan pemprosesan pelbagai sumber data seperti VHF *Data Exchange System* (VDES), E - Navigation (ENav) serta *BeiDou Navigation Satellite System* (BDS) untuk membuat komputer menganalisis data seperti cuaca dan trafik vesel, mengenalpasti risiko serta membuat keputusan bagi menyelesaikan cabaran dan menghasilkan tugas yang optimum serta berkesan tanpa campur tangan petugas VTS secara langsung.

.....

KE ARAH VISI APEC PUTRAJAYA 2040: MESYUARAT APEC SEN LEADERS



Wakil Jabatan Laut Malaysia telah menghadiri Mesyuarat APEC *Seafarers Excellence Network* (SEN) Leaders pada 13-17 November 2023 di Busan, Republik Korea. Encik Mohd Nurrul Faiz bin Mohd Taib yang bertindak sebagai delegasi tunggal negara Malaysia menyumbang ke arah fokus utama menyelaras hala tuju serta struktur APEC SEN dalam rancangan kerja Expert Groups, terma rujukan, dan komunikasi efektif *Steering Council* bersama APEC *Transportation Working Group* dan APEC *Maritime Expert Group*.

Hal ini bertujuan memastikan mobiliti, dinamik, daya-tahan dan komuniti Asia-Pasifik 2040 yang berkompetensi, terutamanya ketersediaan adaptasi pelaut-pelaut dengan teknologi baru sektor maritim seperti pendigitalan, automasi dan penyahkarbonan, serta cabaran hak dan kebajikan mereka.

GREEN VOYAGE 2050 ROUNDTABLE ON MALAYSIA'S MARITIME FUTURE TOWARDS GREEN FUELS AND DECARBONISATION

6 November 2023 - wakil dari Task Force GV2050 (TF GV2050) dari Jabatan Laut Malaysia, menghadiri *Roundtable on Malaysia's Maritime Future Towards Green Fuels and Decarbonisation*, dianjurkan dengan kerjasama Kementerian Pengangkutan Malaysia, Pelabuhan Tanjung Pelepas dan *Australia's Partnerships for Infrastructure (P4I)*. Acara ini mengumpulkan pihak berkepentingan utama untuk meneroka potensi untuk bahan bakar rendah karbon untuk mendorong pertumbuhan hijau dan membuka peluang ekonomi baru.



GREEN VOYAGE 2050 GREEN BUNKERING IN ASIA-PACIFIC: THE WAY FORWARD IN MALAYSIA



16 November 2023 - Kerajaan Australia melalui *Partnerships for Infrastructure (P4I)* telah mengadakan Forum yang bertemakan *Green Bunkering in Asia-Pacific: The way forward in Malaysia* di Persada, Johor Bharu. Encik Mohd Tarmizi bin Osman, Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Laut Malaysia telah dipilih untuk menjadi salah seorang panelis dalam forum tersebut dimana beliau memberi penerangan mengenai komitmen dan usaha kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai *Green Bunkering Hub* yang berjaya di *Asia-Pacific*. Beliau turut menyatakan beberapa langkah yang sedang dilakukan oleh kerajaan untuk menjayakan projek ini seperti penyediaan dasar, standard keselamatan, dan juga garis panduan *Green Bunkering Hub*.

GREEN VOYAGE 2050 PERBINCANGAN TEKNIKAL BERHUBUNG PENGELUARAN METANOL DI MALAYSIA



21 November 2023 - Berikutan pertemuan baru-baru ini antara Task Force GV2050 dan wakil dari PETRONAS Chemicals Marketing (Labuan) Ltd [PCML] di AMIM Sustainability Forum 2023 yang diadakan di Pullman Miri Waterfront, Sarawak, bulan lepas, Jabatan Laut Malaysia menjalankan perbincangan teknikal dengan PCML di KLCC pada 21 November 2023. Fokus utama mesyuarat itu adalah untuk membincangkan pengeluaran metanol semasa di Malaysia sebagai bahan api rendah karbon, sejajar dengan usaha Malaysia dalam penyahkarbonan.

ADA BEKERJA DI RUMAH, ADA JUGA DI PEJABAT

AMBIL MASA
5 MINIT KEMBALI CERGAS

HANYA MENGGUNAKAN
KERUSI



SHOULDER ROTATION

Mengurangkan tegang di bahu dan leher selepas menghadap komputer dalam tempoh lama

CHEST FLY

Meregang dan mengaktifkan otot di bahagian dada dan tangan

LAT AND OBLIQUE STRETCH

Mengurangkan tekanan bahagian Vtepi dada dan tepi perut sebelah kanan dan kiri




MARCHING

Menyediakan badan sebelum meneruskan senaman intensiti tinggi

JUMPING JACK

Tingkatkan kadar denyutan jantung dan mengaktifkan semua otot badan

Sumber : Portal Info Sihat



JANGAN ABAIKAN GEJALA AWAL STROK ATAU ANGIN AHMAR!

Dikongsikan cara-cara mengenal pasti individu yang menghidap penyakit strok dengan menggunakan singkatan huruf 'B.E.F.A.S.T.'!

INGAT!

Strok adalah satu kecemasan perubatan di mana pesakit perlu mendapatkan rawatan dengan segera.

Pengesanan awal dapat membantu elakkan risiko dan komplikasi yang lebih teruk.

Apakah tanda atau simptom strok/angin ahmar?



Rasa lemah, kebas atau lumpuh separuh badan sama ada tangan atau kaki



Sebahagian sebelah muka jatuh atau terasa lemah secara tiba-tiba



Sukar untuk bertutur secara tiba-tiba



Rasa celaru dan keliru



Sakit kepala yang kuat tanpa sebab tertentu



Penglihatan secara tiba-tiba menjadi kabur sama ada pada sebelah mata atau kedua-dua mata



Hilangimbangan badan atau koordinasi secara tiba-tiba



Sukar untuk berjalan



Mempunyai masalah untuk menelan minuman atau makanan



PERINGATAN!

Jangan abaikan amaran dan tanda awal strok/angin ahmar

Beg Kecemasan (Bug Out Bag)

Bug Out Bag atau *BOB* adalah beg yang mengandungi barang-barang keperluan untuk bertahan selama 72 jam ketika menghadapi krisis bencana atau keadaan yang tidak dapat dielakkan.

BOB perlu diletakkan di bahagian yang mudah dicapai apabila berlakunya segala jenis kecemasan yang tidak dijangka.



Pakaian, Kasut,
Selimut dan Jaket
Keselamatan

Makanan Tahan Lama

Dokumen Penting

Kit Kecemasan,
Ubat-Ubatan dan
Peralatan Kebersihan
Diri

Lampu Suluh

Wisel

Wang Tunai

Telefon Bimbit,
Power Bank

Radio Mini Mudah Alih

Botol Air, Air Bersih

Antara cadangan barangan
tersebut ialah:





DAPUR JLM

BAHAN - BAHAN:

Bahan-bahan untuk cucur ketam:

- 10-15 batang jejari ketam
- 2 cwn tepung gandum
- 1 cwn tepung beras
- 4 sb tepung jagung
- 1/2-1 biji bawang besar
- 1 ikat daun kucai
- 1/2-1 batang lobak merah
- 1 mangkuk besar taueh
- Sedikit garam
- 1/2 sb gula
- Sedikit serbuk seasoning, jika suka
- Air sejuk
- 1/2 sk serbuk kunyit

Bahan-bahan untuk sos asam jawa Thai:

- 3 ulas bawang putih
- 2-4 cili merah besar
- Cili padi, jika suka
- 1 cwn air asam jawa
- 3-4 sb gula
- 2 sb sos ikan
- 1 sb sos cili (pilihan)
- Sedikit garam
- Sedikit air bancuhan tepung jagung

TIPS:

- Bancuh adunan dengan air sejuk atau ketul ais. Kalau guna air, ais gluten akan lambat terhasil. Gluten yang akan buat adunan jadi keras terutamanya bila terlebih kacau masa mengadun.
- Untuk maintain cucur rangup lepas goreng, boleh letak atas redai atau apa-apa yang berlubang bawah dia untuk hilangkan panas, kalau tak masa panas *steam* akan terperangkap dan buat cucur lembab di bahagian bawah



Cucur Jejari Ketam

CARA PENYEDIAAN:

Cara-cara untuk cucur jawa:

- o Buka plastik jejari ketam dan potong tebal biar berasa masa gigit.
- o Daun kucai potong pangkal dan leraikan, boleh basuh kalau masih kotor. Potong kucai memanjang anggaran 1 inci.
- o Potong dadu bawang besar.
- o Lobak merah buang kulit dan parut halus.
- o Dalam mangkuk yang besar masukkan tepung gandum, tepung beras, tepung jagung, garam dan gula.
- o Masukkan sayur yang potong tadi daun kucai, lobak merah dan taueh.
- o Bancuh adunan dengan air sejuk dan gaul sehati.
- o Tambah sedikit serbuk kunyit untuk naikan warna.
- o Masukkan potongan jejari ketam. Gaul sehati kesemua bahan.
- o Tutup dan perap sekejap.
- o Panaskan minyak dan goreng cucur.
- o Terbalikkan bila bahagian bawah dah garing. Kacau untuk lebih rangup.
- o Bila cucur dan perang, angkat dan toskan minyak.

Cara-cara untuk sos asam jawa Thai:

- o Potong kasar bawang merah besar dan bawang putih.
- o Bancuh pes asam jawa dengan sedikit air. Ramas- rams sampai jadi pati yang pekat.
- o Masukkan cili, bawang putih, air asam jawa dalam pengisar.
- o Kisar kasar kesemua bahan.
- o Masukkan bahan kisar dalam periuk. Tambah sedikit air, gula perang, sos cili (pilihan), garam, sos ikan dan air bancuhan tepung jagung.
- o Kacau sehati dan masak sampai mendidih.

EDITORIAL BULETIN JABATAN LAUT MALAYSIA



Ketua Editor
Mohammad Hisham Bin Ali



Kapten Mohamad Halim Bin Ahmed
Penasihat

EDITOR- EDITOR



**Reeta a/p
Francis**



**Mohamad Najdi Naim
Bin Mohd Tarmizi**



**Azham
Bin Abd Razak**



**Sharifah Taherah Bt
Shabbir Ahmad**



**Siti Norparlila Bt
Sidek**



**Asrul Hafandi
Bin Awang Haji**

Diterbitkan oleh:

UNIT KORPORAT

Ibu Pejabat Laut, Jabatan Laut Malaysia

Peti Surat 12, Jalan Limbungan,
42007 Pelabuhan Klang,
Selangor Darul Ehsan.

korporat@marine.gov.my